GROUP DEPARTURE 2026 – 2027: 4 HARI 3 MALAM SURABAYA & BROMO SUNRISE TOUR (ALL IN – FULLBOARD)

Bromo Sunrise

Experience Sunrise Gunung Bromo, Jeep 4WD Adventure & Surabaya City Tour

Tour Code: S011

DOWNLOAD PDF ITINERARY

Nikmati pengalaman 4 Hari 3 Malam Surabaya & Gunung Bromo dengan keindahan sunrise Gunung Bromo, pengalaman menaiki Jeep 4WD serta lawatan bandar Surabaya dan lokasi ikonik sekitar Jawa Timur, Indonesia.

Pakej ini sesuai untuk mereka yang ingin menikmati gabungan percutian alam semula jadi, budaya tempatan dan pengalaman melihat Gunung Bromo dalam suasana perjalanan yang santai dan selesa.



MAKLUMAT HARGA

TARIKH	HARGA SEORANG (RM)					SAIZ KUMPULAN
	BERDUA/ BERTIGA	SINGLE SUPP	KANAK-KANAK DENGAN KATIL	KANAK-KANAK DENGAN KATIL TAMBAHAN	KANAK-KANAK TANPA KATIL	
2026						
6/12 - 9/12	2,490	500	2,490	2,390	2,190	15 - 20 pax
12/12 - 15/12	2,490	500	2,490	2,390	2,190	
2027						
15/01 - 18/01	2,490	500	2,490	2,390	2,190	15 - 20 pax
29/01 - 01/02	2,490	500	2,490	2,390	2,190	
DISKAUN SENIOR CITIZEN (58 TAHUN & KEATAS) / LOYALTY - RM50/PAX				**DISKAUN GROUP OF 3/4 - RM50/PAX**		

PAKEJ TERMASUK

Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
Penginapan hotel bertaraf 3 * sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
Sarapan pagi, makan tengahari & makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
Perkhidmatan pengangkutan Jeep atau kenderaan ke View Point 1, Bromo
Perkhidmatan tour leader & tour guide yang professional
Tip pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.

PAKEJ TAK TERMASUK

Insurans perjalanan RM64/seorang (Etiqa Takaful / Platinum Plan / umur 70 tahun dan ke atas tertakluk kepada surcaj)
Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.
Parkara lain selain dari yang dianyatakan di dalam aturcara dan pakej termasuk.

**Nota: Kadar tertakluk kepada perubahan tanpa notis awal sekiranya berlaku pengurangan bilangan peserta, turun naik mata wang serta sebarang surcaj bahan api yang dikenakan oleh syarikat penerbangan.*

ATURCARA PERJALANAN

HARI 1: KUALA LUMPUR – SURABAYA – BROMO TOSARI (MT/MM)

Berkumpul di KLIA untuk menaiki penerbangan ke Surabaya. Setibanya di Lapangan Terbang Juanda, peserta akan disambut oleh wakil tempatan sebelum memulakan lawatan bandar Surabaya.

Lawatan dimulakan dengan singgahan di Monumen Kapal Selam (Monkasel) dan Tugu Pahlawan sebelum meneruskan perjalanan ke Masjid Cheng Ho yang terkenal dengan seni bina unik bercirikan budaya Cina.

Selepas makan tengah hari, perjalanan diteruskan menuju ke kawasan Gunung Bromo dengan anggaran perjalanan sekitar 3.5 jam. Setibanya di kawasan Bromo, daftar masuk hotel dan berehat.

Bermalam di kawasan Bromo.

HARI 2: BROMO – SURABAYA (SP/MT/MM)

Panggilan awal pagi sekitar jam 3.00 pagi untuk menikmati pengalaman menyaksikan matahari terbit di Gunung Bromo. Peserta akan menaiki Jeep 4WD menuju ke Gunung Penanjakan (Point View 1) yang terkenal sebagai lokasi terbaik untuk menikmati panorama Gunung Bromo dan kawasan sekitarnya.

Selepas selesai menikmati sunrise, peserta akan kembali ke hotel untuk sarapan pagi dan membersihkan diri sebelum daftar keluar hotel.

Perjalanan diteruskan menuju ke Sidoarjo untuk membeli-belah di Tanggulangin yang terkenal dengan produk kulit seperti beg, dompet, kasut dan tali pinggang pada harga berpatutan. Peserta juga akan singgah di pusat Keropok Udang Sidoarjo untuk membeli pelbagai snek tradisional Indonesia.

Kembali ke Surabaya dan membeli-belah di Indah Embroidery Moslem Fashion serta Mirota Shop & Batik Gallery untuk cenderahati dan barangan tempatan.

Daftar masuk hotel dan berehat.

Bermalam di Surabaya.

HARI 3: SURABAYA (SP/MT/MM)

Sarapan pagi di hotel sebelum memulakan lawatan sekitar Surabaya. Peserta akan dibawa melawat Jambatan Suramadu, jambatan terpanjang di Indonesia yang menghubungkan Pulau Jawa dan Pulau Madura.

Lawatan diteruskan ke Masjid dan Makam Sunan Ampel, antara masjid tertua di Surabaya yang mempunyai nilai sejarah penting dalam perkembangan Islam di Pulau Jawa. Peserta juga berpeluang bersiar-siar dan membeli-belah di kawasan Arab Quarter yang terkenal dengan suasana unik serta pelbagai produk tempatan.

Seterusnya, peserta akan dibawa membeli-belah di Pasar Atum Shopping Mall atau Tunjungan Plaza Shopping Mall yang terkenal sebagai antara pusat membeli-belah utama di Jawa Timur.

Kembali ke hotel dan berehat.

Bermalam di Surabaya.

HARI 4: SURABAYA – KUALA LUMPUR (SP)

Sarapan pagi di hotel dan daftar keluar hotel. Peserta akan diberi masa untuk membeli-belah saat akhir di Jembatan Merah Plaza atau Tunjungan Plaza sebelum bertolak ke Lapangan Terbang Juanda bagi penerbangan pulang ke Kuala Lumpur.

Tiba di KLIA dengan membawa pulang kenangan indah sepanjang percutian di Surabaya dan Bromo.

PENGINAPAN:

BANDAR	BILANGAN MALAM
Surabaya	2
Bromo	1

Jadual di atas digunakan sebagai panduan, ada kemungkinan sedikit perubahan.

TERTAKLUK TERMA & SYARAT

JADUAL PENERBANGAN MALAYSIA AIRLINES (MH):

MH871 KUL SUB 0725 0910

MH872 SUB KUL 1550 1930

JADUAL PENERBANGAN MALAYSIA AIRLINES (MH):

MH871 KUL SUB 0725 0910

MH874 SUB KUL 1820 2200

NON-REFUNDABLE DEPOSIT

RM1,000 / SEORANG

Sebarang pertanyaan tentang pakej hubungi :

Admin Office : 010-3216357

Zawati : 019-2277253

Saidatul : 011-28662584